

UNTUK EDARAN SEGERA



**KENYATAAN MEDIA
LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PENJELASAN BERKAITAN UJIAN MENDENGAR
PEPERIKSAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
TAHUN 2021 SESI KEDUA**

Lembaga Peperiksaan (LP), Kementerian Pendidikan Malaysia merujuk kepada perkara berkaitan Ujian Mendengar (UM) peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2021 sesi kedua yang telah dijalankan pada 7 April 2022.

Keputusan LP menggunakan bahan audio dan kertas soalan UM SPM tahun 2021 sesi pertama untuk calon sesi kedua dibuat berdasarkan pertimbangan berikut:

- i. kertas soalan dalam UM SPM diklasifikasikan sebagai kertas tertutup dan tidak boleh dibawa keluar oleh calon dari dewan/bilik peperiksaan. Sekiranya apa-apa jua maklumat berkaitan UM SPM disampaikan oleh satu pihak kepada satu pihak yang lain, ia berlaku hanya dalam bentuk ringkasan wacana; dan

- ii. format soalan UM SPM adalah dalam pelbagai bentuk, iaitu objektif aneka pilihan, objektif pelbagai bentuk dan subjektif respon terhad. Oleh itu, UM SPM memerlukan calon mendengar, menganalisis

konteks situasi dan memahami maksud keseluruhan bahan audio yang dimainkan. Sekiranya calon menerima maklumat daripada satu pihak yang lain berkaitan audio tersebut, calon tetap perlu mempunyai kefahaman dan tafsiran masing-masing untuk menjawab dengan tepat.

Sehubungan dengan itu, LP yakin bahawa integriti bahan audio dan kertas soalan UM SPM tahun 2021 kekal utuh. LP akan memastikan kepentingan dan keadilan kepada calon yang menduduki peperiksaan SPM tahun 2021 adalah terjamin.

-TAMAT-

**LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
12 APRIL 2022**